


البيان AL-BAYĀN

JURNAL AL-QURĀN & AL-ḤADĪTH
JOURNAL OF AL-QURĀN & AL-ḤADĪTH

Bil. 9 (Mei 2011 / JAMAD AL-AWWAL 1432)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Diterbitkan / Published by:
Jabatan Al-Quran & Al-Hadith
(Department of Al-Quran & Al-Hadith)
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



AL-BAYĀN
Jurnal al-Qur'ān dan al-Ḥadīth
Journal of al-Qur'ān and al-Ḥadīth

ISSN 1394-3723
BIL. 9
JAMADUL AWWAL-JAMADUL AKHIR 1432 / MEI 2011

JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

ISSN 1394-3723

Jurnal al-Bayān adalah jurnal akademik tahunan yang diterbitkan oleh Jabatan al-Qur’ān dan al-Ḥadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Ia menerbitkan makalah dan kajian ilmiah berkaitan pengajian al-Qur’an dan al-Hadith serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya di dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

Hak cipta terpelihara

Makalah-makalah yang diterbitkan akan menjadi hak milik Jurnal dan tidak dibenarkan diulangterbit dalam apa bentuk dan dengan apa cara kecuali dengan izin bertulis dari pihak pengurusan Jurnal.

Untuk sumbangan makalah, pertanyaan dan langganan sila hubungi:

Ketua Sidang Pengarang Jurnal al-Bayān
Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur, Malaysia.

(u.p.: Sedek Ariffin)

Tel: 603-7967 6010 / 7967 6145 Faks: 603-7967 6143

e-mail: sedek2001@um.edu.my

Diurusterbit oleh:
Penerbitan Universiti Malaya

HARGA: RM 20.00

AL-BAYĀN

LEMBAGA PENASIHAT – ADVISORY BOARD – الهيئة الاستشارية

Ahmad Hidayat Buang Syaraf Qudah
Universiti Malaya *Universiti Jordan*

Ahmad Hasan Farhat Ismail Lutfi Chapakia
Universiti Emirates Arab Bersatu *Yala Islamic College, Thailand*

Mawil Izzudin
Universiti Wales Lampeter

SIDANG EDITOR – EDITORIAL BOARD – هيئة التحرير

Mustaffa Abdullah (*Ketua Editor*)

Zulkifli Hj Mohd Yusuff Ahmad K. Kasar
Fauzi Deraman Seripah Zain Syed Ali
Mustafa Abdullah Jilani Ben Touhami Meftah
Ishak Suliaman Anwar Ridwan Zakaria
Mohd Muhiden Abd Rahman Sedek Ariffin
Munirah Abd Razzak Thuraya Ahmad
Ahmad Najib Abdullah

SIDANG EDITOR BERSEKUTU – BOARD OF CO-EDITORS – هيئة التحرير المشتركة

Mujahid M. Bahjat Abu Al-Layth al-Khayr Abadi
Universiti Malaya *Universiti Islam Antarabangsa*
Malaysia

Idris Awang Ammar Fadzil
Universiti Malaya *Universiti Islam Antarabangsa*
Malaysia

Abdul Karim Ali Mat Taib Pa
Universiti Malaya *Universiti Malaya*

Thameem Ushama *Universiti Islam Antarabangsa*
Malaysia

PENGURUSAN – MANAGEMENT – الإدارة
Penasihat / Ketua Jabatan
Faisal Ahmad Shah

PENGURUS – MANAGER – مدير التحرير
Sedek Ariffin

PEMASARAN – MARKETING – التسويق
Anwar Ridwan Zakaria

k) Sumbangan, pertanyaan dan langganan boleh dialamatkan kepada:

Ketua Sidang Pengarang Jurnal al-Bayan.

Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur.

(u.p.: Sedek bin Ariffin)

Tel: 603-7967 6010 / 7967 6145

Faks: 603-7967 6143

e-mail: sedek2001@um.edu.my

KEUNIKAN METODOLOGI HAFAZAN AL-QURAN DEOBANDY DARI INDIA

Oleh:

Sedek bin Ariffin* Sabri bin Mohamad** Shahrudin bin Saad***
Mohd Zaini bin Zakaria**** Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah*****
Mohd Sa'di bin Md Said***** Riswadi bin Azmi*****

Abstract

There are several methods to memorize the Qur'an in Malaysia. These methods have been studied and adopted by the Huffaz. The methods of memorizing the Qur'an is an important matter to ensure that students can memorize and remember the Qur'an as soon as possible after they become Hafiz Al-Qur'an. Method of memorization is the basic technique in memorizing the Qur'an. However different techniques and approaches in each method will give a different impact on the quality of memorization. There are many methods of memorization in Malaysia are imported from foreign countries and among them is the Deobandy method from India. Deobandy method has some unique and

-
- * Calon PhD Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith merangkap pengajar sementara di Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- ** Pensyarah Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- *** Pensyarah Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Kolej Universiti Islam Selangor.
- **** Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.
- ***** Pensyarah Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- ***** Tutor di Jabatan Pendidikan Islam Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Perguruan Sultan Idris.
- ***** Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Universiti Malaysia Terengganu.

special privilege compare to other method. Deobandy method adopted a few techniques such as memorizing preparation, sabak, para sabak, ammokhtar, halaqah dauri and so on.

Pendahuluan

Sebagaimana yang telah diketahui India merupakan salah sebuah negara yang terawal menerima agama Islam berbanding negara Malaysia. India merupakan negara yang kedua mempunyai penduduk beragama Islam paling ramai di dunia selepas Indonesia¹. Seterusnya perkembangan agama Islam di sana telah mengakibatkan kewujudan institusi-institusi pengajian agama Islam termasuklah pengajian hafalan Al-Quran. Malah di India sendiri terdapat satu kaedah menghafal Al-Quran yang dikenali sebagai kaedah *Deobandy*². Kaedah ini juga telah diamalkan dalam kalangan para huffaz di Malaysia. Perkataan *Deobandy* ini merujuk kepada wilayah Deoband yang terletak di dalam daerah Uttar Pradesh India.

Kaedah ini telah bertapak di Malaysia buat pertama kali pada tahun 1981 di Ma'had Tahfiz al-Quran Wal Qira'at Balai Dakwah Jeram, Selangor. Setelah itu, kaedah *Deobandy* ini telah berkembang ke institusi-institusi tahfiz yang lain seperti Madrasatul Quran Kubang Bujuk dan Ma'had Tahfiz Sri Petaling. Kebanyakan institut tahfiz yang menggunakan kaedah *Deobandy* adalah di bawah kelolaan jemaah tabligh. Kaedah *Deobandy* pada asalnya dibawa masuk ke Malaysia atas usaha jemaah tabligh di Malaysia. Jemaah tabligh di Malaysia telah membawa guru dari India untuk menjadi guru tahfiz di ma'had tahfiz di Malaysia³. Menurut ustazah Faizah binti Haji Mohd Amin, pengetua Ma'had Tahfiz al-Quran Wal Qira'at Balai Dakwah Jeram, pada peringkat awal penubuhan ma'had ini, terdapat seramai 12 orang guru-guru tahfiz al-Quran yang dibawa khas dari India untuk mengajar kelas hafazan al-Quran di sini⁴. Penulis melalui artikel ini akan

¹ Laman Web http://ms.wikipedia.org/wiki/Islam_di_India pada 25 Disember 2010.

² Abdul Hafiz bin Abdullah (2005) *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*, Universiti Teknologi Malaysia, h. 3.

³ *Ibid*, h. 57.

⁴ Temubual dengan Ustazah Faizah binti Haji Mohd. Amin Pengetua

menghuraikan secara lebih terperinci berkaitan teknik-teknik dalam kaedah *Deobandy* serta keistimewaan dan keunikannya.

Teknik-teknik dan Keunikan Dalam Kaedah *Deobandy*

Secara keseluruhannya kaedah *Deobandy* ini menggunakan teknik-teknik seperti berikut: Persediaan Sebelum Menghafal, *Sabak* (Hafalan Baru), *Para Sabak* (Hafalan Mingguan), *Ammokhtar* (Hafalan Keseluruhan), *Halaqah Dauri* (Kelas Ulangan Hafalan) dan *Syhadah Hafiz*.

Persediaan sebelum menghafal

Dalam kaedah ini, pertama kalinya setiap pelajar diletakkan dalam beberapa kumpulan yang khusus. Setiap kumpulan tersebut mempunyai seorang guru dan beberapa pelajar antara 15 hingga 20 orang. Umur pelajar dalam setiap kumpulan tersebut tidak sama iaitu antara umur 12 hingga 17 tahun. Penentuan kumpulan tersebut telah ditentukan dalam mesyuarat pihak ustaz⁵. Dalam seminggu, 5 hari digunakan untuk proses menghafal Al-Quran iaitu hari Sabtu hingga Rabu. Manakala pada hari Khamis, waktu pagi hingga zohor sahaja terdapat kelas hafazan, dan di sebelah petangnya pelajar diberi rehat. Hari Jumaat adalah cuti umum dan pelajar digalakkan keluar berdakwah. Salah satu keistimewaan kaedah *Deobandy* ini ialah terdapat Kelas Nazirah atau Pra Tahfiz yang diwujudkan untuk pelajar-pelajar yang masih lemah dari sudut pembacaan Al-Quran. Kelas ini diadakan untuk membantu pelajar melancarkan bacaan Al-Quran sebelum menghafaznya⁶. Kelas ini dikhususkan bagi pelajar yang masih lemah dalam pembacaan Al-Quran, manakala pelajar lain diletakkan dalam kelas tahfiz biasa. Dalam kelas ini, pelajar diberi peluang untuk memperbaiki bacaan dari segi tajwid, fasahah, kelancaran, dan tarannum Al-Quran. Setiap pelajar perlu membaca Al-Quran dengan melihat mushaf Al-Quran sambil disemak oleh ustaz yang mahir dalam bidang tajwid Al-Quran⁷.

Ma'had Tahfiz al-Quran Wal Qira'at Balai Dakwah Jeram, Selangor pada 8 September 2009.

⁵ *Ibid*

⁶ *Ibid*

⁷ Ustaz Asraf bin Mohd Yusof guru hafazan Ma'had Tahfiz al-Quran Wal

Kelas tahfiz Al-Quran pula dikhususkan untuk menghafaz Al-Quran. Dalam kelas ini, pelajar diletakkan dalam kumpulan tertentu dalam bulatan. Seorang guru mestilah seorang penghafal Al-Quran bagi melayakkannya mengetuai dan memantau pergerakan pelajar dalam setiap kumpulan⁸. Teknik duduk di dalam *halaqah* digunakan dalam kaedah *Deobandy* ini di mana setiap pelajar duduk dalam bulatan bersama Al-Quran dan rehal masing-masing. Satu lagi keunikan kaedah *Deobandy* ini ialah para pelajar tidak dibenarkan bersandar pada dinding kelas bagi mengelakkan pelajar tertidur. Selain itu, kaedah *Deobandy* juga istimewa kerana adab pelajar amat dititikberatkan, contohnya setiap pelajar hendaklah mencium tangan guru setiap kali bersalam. Ini kerana, ia dapat menghasilkan sifat taat dan hormat di dalam diri para pelajar.⁹

Selain itu, keunikan kaedah *Deobandy* dapat dilihat dari segi aspek pemakaian pelajar. Pelajar dilarang memakai pakaian yang bergambar dan bertulis serta berseluar jeans. Pelajar dikehendaki memakai jubah di dalam kelas hafazan. Dalam kaedah *Deobandy*, pelajar diwajibkan memakai kopiah di dalam waktu kelas pengajian. Mereka juga tidak dibenarkan membaca Al-Quran tanpa memakai kopiah. Di samping itu, pemakaian serban juga digalakkan. Kebanyakan pelajar memakai serban dalam kelas hafazan Al-Quran¹⁰.

Sabak (Hafalan Baru)

Keunikan kaedah *Deobandy* ini ialah pelajar dikenakan disiplin yang ketat. Seawal pukul 4.30 pagi, pelajar telah dikejutkan untuk solat sunat tahajjud sebelum menunaikan solat subuh. Setengah jam sebelum waktu subuh, para pelajar dikehendaki berada dalam kumpulan masing-masing untuk diperdengarkan hafalan baru atau digelar *sabak* kepada guru kumpulan tersebut. Sealain itu, keistimewaan lain bagi kaedah *Deobandy* ialah penggunaan rotan. Ia merupakan kemestian mengikut kaedah ini, dimana setiap kelemahan atau kesalahan pelajar akan dirotan

Qira'at Balai Dakwah Jeram, *op.cit.*

⁸ Temubual dengan Ustaz Zakri bin Zamzam bekas pelajar Madrasatul Quran Kubang Bujuk pada 15 Oktober 2009.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Temubual dengan Ustaz Hasbullah guru hafazan Madrasatul Quran Kubang Bujuk pada 15 Oktober 2009.

mengikuti bilangan yang disukai oleh guru.

Bermula sebelum subuh, pelajar mula menghafal hafalan baru atau *sabak*. Kadar hafalan pula berdasarkan kepada kemampuan pelajar tersebut. Guru akan memantau kelancaran hafalan, jika kurang lancar, hafalan baru pelajar akan dikurangkan.¹¹

Keunikan lain dalam kaedah *Deobandy* ini ialah pelajar dikehendaki menghafal terlebih dahulu bermula dari juzuk 30, 29, 28, 27 dan 26. Setelah selesai 5 juzuk terakhir ini, barulah pelajar dibenarkan untuk menghafal dari juzuk pertama hingga 25. Perkara ini supaya memudahkan pelajar mengingat Al-Quran kerana 5 juzuk terakhir ini adalah ayat-ayat pendek, mudah dan lazim didengar. Selain itu, pelajar dikehendaki melancarkan bacaan ayat yang ingin dihafal sebanyak 40 kali supaya memudahkan hafalan kelak. Menurut Ustaz Hasbullah¹² selepas membaca 40 kali dengan melihat kepada mushaf Al-Quran, pelajar hanya memerlukan waktu yang singkat sahaja untuk memindahkan ayat-ayat tersebut ke dalam ingatan.

Sebelum memperdengarkan hafalan seseorang pelajar kepada gurunya, mereka dikehendaki terlebih dahulu memperdengarkan hafalan kepada rakan di sebelah – semasa sesi pengajian- bagi memastikan bacaan tersebut tepat dan betul. Mereka hendaklah membaca 10 kali ayat yang telah dihafal bagi memastikan ia lancar dan tidak tersangkut. Pelajar yang telah bersedia untuk memperdengar bacaan mereka akan duduk di hadapan guru, dan catatan akan dibuat oleh guru berdasarkan tahap hafalan pelajar di dalam buku khas. Pelajar kebiasaannya akan dirotan jika terlupa ayat-ayat yang telah dihafal. Pada Pukul 7.30 pagi, pelajar akan bersarapan dalam talam. Pada pukul 8.30 pagi, kelas *sabak* disambung sehingga pukul 9.30 pagi. Secara keseluruhannya, pelajar mempunyai sekitar 4 jam untuk *sabak*. Waktu yang lama ini bagi memastikan ayat-ayat yang baru dihafal benar-benar terpahat di dalam hati para pelajar.

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

Para Sabak (hafalan mingguan)

Peringkat kedua dalam kaedah ini dikenali sebagai *Para Sabak* atau hafalan mingguan. Ia bermula pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Maknanya pelajar diberi masa 2 jam untuk *para sabak*. *Para sabak* bermaksud 1 juzuk di belakang hafalan baru¹³. Pelajar diberi masa setengah jam sebelum memperdengar bacaan *para sabak* di hadapan guru. Guru membahagikan pelajar kepada pasangan masing-masing untuk membaca *para sabak* di mana pasangan masing-masing memiliki tahap hafalan yang sama bagi membina keserasian. Seterusnya, para pelajar dipanggil dengan pasangan masing-masing untuk memperdengar bacaan di hadapan guru halaqah.

Keunikan kaedah ini ialah seorang pelajar membaca sebanyak sejujukan, sambil pasangannya menyemak bacaan pada mushaf Al-Quran. Jika berlaku kesilapan, pasangan tersebut akan melaporkan bilangan kesalahan kepada guru halaqah. Seperti biasa rotan digunakan sebagai hukuman. Begitulah seterusnya bagi pasangannya pula. Dalam waktu yang sama, guru halaqah akan memastikan kelancaran *para sabak*. Kebiasaannya bilangan pelajar dalam setiap *halaqah* adalah genap bagi memudahkan proses *para sabak* bersama pasangan masing-masing.¹⁴

Ammokhtar (Hafalan keseluruhan Al-Quran)

Kaedah *ammokhtar* ini adalah kaedah ketiga selain dua kaedah *sabak* yang dibincangkan tadi. *Ammokhtar* ini adalah ayat-ayat al-Quran yang telah lama dihafal dan melebihi satu juzuk di belakang hafalan yang terkini. Untuk mengulang *ammokhtar* ini, para pelajar akan diberi masa dari jam 2.30 petang hingga jam 4.00 petang khusus untuk tujuan tersebut.¹⁵

Apa yang uniknya, kaedah ini amat menekankan tahap ingatan para pelajar semasa *tasmi'* di mana rangsangan rotan akan diberikan sekiranya pelajar gagal membaca dengan lancar di hadapan guru. Selain itu, keunikan pelaksanaannya adalah apabila pelajar diberi masa sekitar setengah jam untuk melancarkan bacaan *ammokhtar* terlebih

¹³ *Ibid*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Temubual dengan Ustaz Zakri bin Zamzam, Guru Tahfiz Institut Al-Quran Kuala Lumpur pada 15 Januari 2010 di IQKL Kuala Lumpur.

dahulu sebelum dipanggil seperti di dalam kaedah *Para Sabak* untuk memperdengarkan bacaan mereka. Uniknyanya juga, pasangan bagi bacaan turut ditentukan oleh guru tersebut.

Selain itu, keunikan kaedah ini antara lain menjadikan semua hafalan lama sebagai satu pusingan lengkap di mana setiap hari para pelajar dikehendaki membaca satu juzuk dari *ammokhtar* ini. Dengan susunan bacaan yang mengikut turutan surah dalam al-Quran, ia memastikan hafalan pelajar tersebut kekal dalam ingatan walaupun pelajar sedang menghafal juzuk atau ayat yang sukar. Dan bagi memastikan kelancaran pada hari berikutnya, setiap kali selepas maghrib, pelajar akan duduk dalam halaqah masing-masing dan mengulang hafalan *sabak*, *para sabak* dan *ammokhtar* secara bersendirian. Dan ia masih di bawah pantauan beberapa orang ustaz. Selain itu, ketiga-tiga kaedah *Deobandy* ini diguna pakai secara berterusan sehinggalah pelajar tersebut khatam keseluruhan 30 juzuk al-Quran.

Halaqah Dauri (Kelas Ulangan Hafalan)

Halaqah dauri bermaksud halaqah yang dibentuk oleh para pelajar yang telah khatam kesemua *sabak* atau dengan kata lain khatam 30 juzuk Quran. Halaqah ini dibentuk bertujuan sebagai mengulang kembali hafalan mereka. Uniknyanya, halaqah ini masih dalam pantauan guru masing-masing dan ini memastikan hafalan mereka diulang seperti dalam perancangan. Dengan tempoh masa dari enam bulan hingga dua tahun untuk berada dalam *halaqah dauri* ini, para pelajar yang tidak lancar akan mengulang semula *sabak*, namun tetap dalam halaqah ini.

Uniknyanya, pembacaan adalah tidak mengikut urutan surah di mana keseluruhan al-Quran akan dibahagikan kepada tiga bahagian, dengan 10 juzuk mewakili satu bahagian. Untuk pembacaan hari pertama, kedua dan ketiga, juzuk 1, 11, dan 21 masing-masing akan dibaca. Dan pada hari keempat, juzuk kedua bahagian pertama, juzuk kedua bahagian kedua pada hari kelima dan seterusnya sehinggalah khatam setiap bahagian tersebut. Dengan metode sama seperti *Ammokhtar* (pelajar berpasangan semasa membaca) kaedah ini dilihat dari sudut tersiratnya mampu memastikan dan membiasakan pelajar yang khatam mampu membaca mana-mana surah ataupun juzuk tanpa mengikut urutan.

Selain itu, keunikan kaedah ini dilihat pada tahap jumlah juzuk setiap kali ulangan. Di sini, jika pelajar tersebut kali pertama berada dalam *halaqah dauri*, 30 juzuk pertama dalam tiga bahagian tersebut diulang dengan satu juzuk setiap hari. Namun jika telah habis pusingan pertama ketiga-tiga bahagian tersebut, dan pelajar itu lancar bacaannya, maka tahap yang lebih tinggi diberi di mana pusingan berikutnya akan dimulai dengan dua juzuk setiap hari bagi setiap bahagian. Dan ini akan berterusan sehinggalah 5 juzuk setiap hari iaitu satu bahagian dan pusingan akan mengambil masa enam hari untuk tamat. Hanya setelah guru berpuas hati dalam setiap pusingan barulah *Syahadah hafiz* akan diadakan.

Syahadah Hafiz

Dalam *Syahadah Hafiz* ini, ia diadakan setelah persetujuan guru-guru yang berpuas hati dengan prestasi seseorang pelajar tersebut. Apa yang uniknya dalam *Syahadah Hafiz* ini adalah tiga cara untuk mendudukinya. Cara pertama ialah tasmi' 30 juzuk sehari, cara kedua 15 juzuk sehari manakala cara ketiga 10 juzuk sehari. Dengan kata lain, 1 hari bagi cara pertama, 2 hari cara kedua dan 3 hari bagi cara ketiga. Dari segi masa syahadah tersebut, setiap juzuk memerlukan setengah jam sahaja masa pembacaan. Dengan tiga orang guru pemeriksa termasuk dua daripadanya guru halaqah lain, para pelajar akan dianggap lulus apabila tidak lebih dari 10 kesalahan dilakukan semasa pembacaan.

Analisa Keunikan Kaedah Deobandy

Hasil analisis keunikan yang terdapat di dalam kaedah Deobandy ini dapat merumuskan satu kaedah dalam proses menghafal dan mengingat hafalan ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal. Rumusan kaedah tersebut adalah seperti berikut:-

1. Perlunya ada tiga unsur asas dalam proses menghafalan al-Quran iaitu pertama, hafalan ayat-ayat yang baru dari al-Quran. Kedua ulangan bacaan hafalan ayat-ayat yang baru dihafal, iaitu ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal namun masih belum kukuh di dalam ingatan para penghafal. Dengan kata lain ialah ayat-ayat yang telah dihafal dalam jangka

masa seminggu yang terdekat. Ketiga ulangan bacaan ayat-ayat hafalan yang telah lama dihafal.

2. Tiga unsur di atas perlu dilaksanakan serentak dalam proses penghafalan al-Quran. Ini bermakna sekiranya seseorang pelajar menambah hafalan baru, ia juga perlu mengulang bacaan hafalan ayat-ayat yang baru dan mengulang bacaan hafalan ayat-ayat yang telah lama dihafal.
3. Ketiga-tiga unsur tersebut mempunyai satu piawai yang khusus dalam memastikan kelancaran ayat-ayat yang telah dihafal. Ketiga-tiga unsur tersebut perlu dibaca secara hafalan dengan tidak melihat kepada *mashaf* al-Quran. Piawai ini perlu dikekalkan, bagi membolehkan para pelajar menambah hafalan mereka. Sekiranya aras piawai tersebut tidak dapat dicapai maka para pelajar tidak dibenarkan untuk menambah hafalan yang baru.
4. Kekuatan menghafal ayat-ayat al-Quran kali pertama setiap individu adalah berbeza. Oleh yang demikian perlu digariskan bahawa, para guru perlu prihatin dengan kemampuan hafalan setiap pelajar. Guru-guru tidak perlu terburu-buru untuk menambah hafalan dalam jumlah yang banyak. Perkara yang penting perlu diperhatikan ialah kualiti hafalan tersebut. Teknik mengulang-ulang hafalan berkali-kali, sama ada 10, 20, 30, 40, 50 atau 60 kali perlu dititikberatkan kerana ia memberi impak yang mendalam terhadap ingatan hafalan ayat-ayat al-Quran. Guru perlu menambah bilangan ulangan ayat-ayat yang dihafal oleh para pelajar sehingga benar-benar diingati dengan tiada sebarang kecatatan dari sudut tajwid, kelancaran dan keyakinan para pelajar.
5. Pemantauan guru secara berterusan dalam tiga unsur utama yang disebutkan perlu dititikberatkan. Guru perlu memastikan setiap unsur tersebut dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Penutup

Kaedah *Deobandy* ini dilihat dapat memperkukuhkan ingatan para huffaz dengan sistem yang tidak membebankan sesuai dengan kemampuan pelajar tersebut. Istimewanya, pemilihan juzuk bermula dari belakang terlebih dahulu untuk dihafaz adalah kerana juzuk-juzuk tersebut sentiasa dibaca dalam sembahyang. Tambahan pula juzuk-juzuk ini agak pendek dan sentiasa didengar semasa mendirikan sembahyang subuh dan isyak kerana kebanyakan imam-imam membaca surah-surah dalam juzuk ini ketika mengimami solat seperti surah al-Mulk dalam juzuk yang ke-29. Berdasarkan kajian yang dilakukan para guru dan pelajar-pelajar bersetuju mengatakan bahawa setelah menduduki peperiksaan *Syahadah Hafiz* ini walaupun tidak mengulang selama setahun mereka masih mampu untuk menjadi imam solat sunat terawikh dengan membaca 30 juzuk al-Quran dengan sempurna. Dengan keunikan dan keistimewaan kaedah *Deobandy* ini, Malaysia mampu melahirkan huffaz yang berkualiti. Dan kaedah ini juga mampu bersaing dengan kaedah sedia ada bagi mempelbagaikan sistem hafazan di Malaysia.